

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 16.6.2014

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan sedia menyokong untuk pembangunan Labuan sebagai Pusat Pendidikan Antarabangsa Utama Negara, memandangkan Labuan merupakan pulau dan memudahkan kawalan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa menyokong sebarang usaha untuk mempertingkatkan akses serta kualiti pengajian tinggi negara. Pada masa ini, terdapat Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain itu juga, pihak Kerajaan menyokong pembangunan ekonomi Labuan dengan mengadakan program-program pengajian bagi melahirkan pekerja peringkat pertengahan dalam sektor perbankan, kejuruteraan dan perkhidmatan terutamanya bagi menyokong industri kewangan dan perniagaan luar persisiran dan industri berat berkaitan dengan pengeluran petroleum dan gas. Setakat ini pihak kementerian tidak mempunyai sebarang perancangan menjadikan Labuan sebagai pusat pendidikan antarabangsa.